

**Bil. 22**

**Isnin**

**22 Oktober 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Penyalahgunaan Kuasa oleh Polis Marin**  
- *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA  
Isnin, 22 Oktober 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Penyalahgunaan Kuasa oleh Polis Marin**

**2.34 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu penyalahgunaan kuasa oleh polis marin. Satu kes yang berlaku baru-baru ini di Sibu memaparkan penyalahgunaan kuasa oleh polis marin.

Dalam kes tersebut, lori yang membawa minyak terpakai telah ditahan oleh polis marin yang bernama Mohd. Azwan tanpa apa-apa alasan. Polis marin tersebut (Mohd. Azwan) lalu mendesak pemandu lori ke Balai Polis Sarikei. Sebenarnya, lokasi pemandu lori pada masa itu adalah tiga kilometer dari jambatan Lanang, di bawah kuasa balai polis kawasan Sibu.

Selepas itu, pemandu lori tersebut telah membuat laporan polis di Balai Polis Lanang terhadap polis marin tersebut yang bernama Mohd. Azwan. Berikut itu, polis marin tersebut telah menelefon pemandu lori banyak kali dan mengancam dia untuk menarik balik aduan terhadap Mohd. Azwan. Pemandu lori berasa diancam dan dalam trauma.

Polis Marin Malaysia adalah salah satu pasukan keselamatan di dalam cawangan Polis Diraja Malaysia. Ia merupakan pasukan yang berkhidmat di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam dan berperanan menjaga keselamatan perairan negara daripada sebarang ancaman yang tidak diinginkan.

Walau bagaimanapun, polis marin nampaknya menyalahgunakan kuasa, terutamanya yang dipaparkan dalam kes baru-baru ini yang dinyatakan seperti di atas. Tindakan penyalahgunaan kuasa juga boleh dicurigai sebagai satu tindakan rasuah.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian Menteri Dalam Negeri untuk melihat dalam isu penyalahgunaan kuasa oleh polis marin ini. Apakah sebenarnya kuasa kerja polis marin dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap polis marin yang berkelakuan salah ini.

Selain daripada itu, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan isu ini yang sedemikian. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sibu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penugasan Pasukan Polis Marin (PPM) tidak hanya terhad untuk menjalankan tugas di kawasan perairan sahaja tetapi juga berperanan untuk menjalankan fungsi-fungsi lain sebagaimana yang termaktub di bawah seksyen 3(3), seksyen 20(3) Akta Polis 1967 (Akta 344) dan juga di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara B112. Pasukan Polis Marin (PPM) boleh diarahkan untuk melaksanakan atau membantu tugas-tugas seperti berikut:

- (i) melaksanakan tugas kepolisan am (*general policing*), dengan izin;
- (ii) memelihara ketenteraman awam (*public order*), dengan izin;
- (iii) melaksanakan mana-mana undang-undang berhubung dengan hasil, eksais, kebersihan, kuarantin, imigresen dan pendaftaran. Ini termaktub di dalam seksyen 20(3)(d), Akta Polis 1967 ataupun Akta 344 yang ada sebagaimana dalam buku ini; dan
- (iv) melaksanakan lain-lain tugas sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai pemerintah.

Merujuk kepada kejadian seperti mana dibangkitkan, hasil semakan yang dibuat iaitu pada 28 September 2018, jam lebih kurang 2000, sepasukan anggota Polis Marin Wilayah 5 Sarikei terdiri dari empat orang anggota sedang menjalankan tugas rasmi Ops Landai di Jalan Sibu-Bintangor telah menahan sebuah lori nombor pendaftaran QSU 1919 membawa muatan minyak yang disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan) 2015. Pemandu dan kelindan lori bersama dengan lori yang ditahan telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sarikei untuk tindakan lanjut. Satu laporan polis telah dibuat oleh Koperal 143861 Mohammad Azwan Bin Roslee sebagaimana Ulu Lanang Repot: 2722/18.

Kes berkenaan telah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar Sibu, hasil siasatan mendapati terdapat tujuh kesalahan yang dikesan melibatkan enam kesalahan tong yang diisi bahan buangan tidak dilabel dan satu kesalahan kerana membawa bahan buangan berjadual tanpa lesen. Kesemua kesalahan telah dikeluarkan kompaun kepada Syarikat TLM TIASA Sendirian Berhad oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Sibu di bawah Peraturan 10 dan 13, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005.

Ekoran daripada tindakan ini, Encik Eric Ngu, nombor kad pengenalan: 73102136203 turut membuat satu laporan polis terhadap Koperal 143861, Mohammad Azwan Bin Roslee pada 29 September 2018 seperti mana Ulu Lanang Repot 2729/18 mendakwa dan mempertikaikan tindakan anggota polis menahannya dengan cara yang tidak berhemah dan kasar hingga menimbulkan ketakutan pada dirinya.

Dalam kes dan isu yang dibangkitkan ini, pihak PDRM berpendirian, tindakan yang diambil oleh anggota-anggota polis marin yang ditugaskan dalam melaksanakan Ops Landai pada hari kejadian adalah mematuhi semua arahan, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Pasukan Polis Marin mempunyai kuasa yang sah untuk menguatkuasakan semua undang-undang berasaskan kepada arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Pemerintah bagi menentukan tugas dan tanggungjawab am dilaksanakan dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, pihak PDRM tetap mengambil perhatian terhadap laporan polis oleh Encik Eric Ngu mengenai perlakuan Koperal 143861 Mohammad Azwan Bin Roslee yang dilihat kurang profesional dalam melaksanakan tugasnya dengan menjalankan siasatan dari sudut integriti dan tatatertib oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Sarawak bagi mendapatkan semua keterangan serta fakta untuk mengesahkan dakwaan tersebut. Pihak PDRM sentiasa menentukan semua sistem dan prosedur dipatuhi oleh semua peringkat pegawai dan anggota dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap anggota yang mengingkari atau menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 23 Oktober 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.40 petang]***